

PELAKSANAAN AKTIVITI BELAJAR MELALUI BERMAIN DI TADIKA-TADIKA KAWASAN MELAKA TENGAH MELAKA

SAAYAH BT. ABU
Jabatan Ilmu Pendidikan
Maktab Perguruan Islam

ABSTRAK

Kertas projek ini meninjau tentang pelaksanaan kaedah belajar melalui bermain di lima jenis tadika dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk meninjau kepentingan, kefahaman, perancangan dan pelaksanaannya. Sampel kajian terdiri daripada 25 orang guru yang ditemubual, di samping memberi respon soal selidik. Seramai 810 orang kanak-kanak telah diperhatikan untuk melihat bagaimana aktiviti bermain dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran. Tadika-tadika yang terlibat ialah Kemas, Jaim, Perpaduan, Swasta dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Data-data dipungut berdasarkan soal selidik, temu bual, pemerhatian dan pendapat responden. Keputusan kajian menunjukkan guru-guru tidak faham konsep belajar melalui bermain. Mereka juga dapati sukar untuk melaksanakan aktiviti belajar melalui bermain kerana masih kurang jelas tentang pendedahan dalam kaedah ini.

PENGENALAN

Pendidikan Prasekolah adalah pendidikan asas yang penting dan ia telah mendapat perhatian di semua peringkat masyarakat kerana ia merupakan pendidikan awal dalam perkembangan hidup seseorang individu selain daripada pendidikan yang diterimanya di rumah. Di Malaysia, program pendidikan prasekolah adalah satu program pendidikan untuk golongan kanak-kanak berusia antara 4 hingga 6 tahun sebelum mereka memasuki pendidikan secara formal di Tahun Satu sekolah rendah (Garis Panduan Kurikulum Prasekolah, 1998).

Belajar melalui bermain adalah satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak. Melalui teknik ini juga akan mendatangkan keseronokkan

dan kepuasan kepada mereka dalam sesuatu pengajaran yang hendak disampaikan. Dengan bermain juga kanak-kanak akan dapat menguasai perkembangan dan kemahiran fizikal dan penguasaan bahasa dari segi perbendaharaan dan peraturan tatabahasa.

Menurut Caplan dan Caplan 1973, main sebagai penentu penting bagi perkembangan kekuatan sahsiah, daya cipta, kestabilan emosi, perkembangan sosial dan intelek di samping dapat memperkembangkan kekuatan fizikal, koordinasi dan ketangkasan seseorang murid.

Permainan juga dapat memberi pengalaman tentang keadilan, peraturan-peraturan dan kesamaan serta memperkuat kebolehan berfikir dalam pelbagai cara. Di antara permainan lazim yang dimainkan dalam bilik darjah teka-teki, teka silang kata, kad-kad nombor, kad-kad bergambar, catur dan sebagainya.

Selain itu bermain adalah satu bentuk kesenian kanak-kanak. Ia merupakan saluran untuk melahirkan perasaan dan punca untuk mendapatkan kegembiraan dan keseronokan.

Almy (1984, Fagen) menyatakan kanak-kanak bermain dengan diarah oleh diri mereka sendiri tanpa mengambilkira tujuan bermain. Semasa bermain, mereka, bebas dari segala peraturan. Melalui permainan, kanak-kanak mendapat tingkah laku yang baru. Kanak-kanak melibatkan diri dalam permainan secara aktif. Apa yang dikemukakan oleh Almy bersesuaian dengan pandangan Rubin, Fein, dan Vendenberg (1983).

Dalam membincangkan ciri-ciri main mereka menyebut;

“Pertama, main adalah motivasi dalaman. Lenyap dengan sendiri, berlaku hanya untuk kepuasan semasa melakukannya. Kedua, ciri-ciri yang berkaitan dengan main mestilah ada kebebasan memilih oleh peserta” . (Fergus 1995,2).

Mengikut Vygotsky (1967) “Main membantu perkembangan bahasa dan pemikiran. Struktur otak akan membentuk melalui penggunaan simbol dan alat, ia juga membantu dalam pembentukan ini. Main juga memberi kebebasan kepada kanak-kanak untuk meluahkan tekanan dalam menghadapi dunia sebenar. Dalam cara ini kanak-kanak dapat mengawal

situasi dan menyesuaikannya dalam dunia sebenar. Mereka dibenarkan untuk memperolehi proses pemikiran yang tinggi melalui bermain”. (Spodek et al. 1987, p. 181).

Jerome Singer (Spodek,1987) menganggap “imaginative play” sebagai usaha kanak-kanak menggunakan kebolehan fizikal dan mental mereka dalam menyusun pengalaman. Beliau juga berpendapat bahawa dalam permainan, kanak-kanak meneroka alam yang boleh menjadikan mereka berkebolehan dalam menghadapi masalah persekitaran dan boleh menjadikan mereka kreatif.

Secara ringkasnya, aktiviti main dapat memberangsangkan perkembangan bahasa. Dalam konteks main bebas, kanak-kanak dapat melatih bahasa yang baru dikuasai, mempelbagaikan perbendaharaan kata serta membenarkan kesalahan dan pembetulan bahasa. Selain itu, aktiviti main yang berlainan sama ada main sosial atau main kognitif juga akan memberangsangkan aspek-aspek perkembangan bahasa yang tertentu.

Pernyataan Masalah

Bagi kanak-kanak ‘main’ merupakan aktiviti di dalam kehidupan seharian mereka. Melalui aktiviti bermain kanak-kanak belajar berkenaan diri dan alam persekitarannya.

Malangnya ibu bapa dan orang-orang dewasa yang mempunyai sedikit atau tiada pengetahuan dan kefahaman tentang konsep ini menganggap ‘main’ tidak mendatangkan faedah dan hanya membuang masa dan tenaga sahaja. Guru-guru harus peka dan memahami pelbagai nilai main yang boleh menyumbang ke arah perkembangan kanak-kanak secara total dan menyeluruh dari aspek mental, fizikal, sosial dan emosi terutama bagi mereka yang berumur di antara 4 – 6 tahun. Menurut Vygotsky, (1966), main merupakan satu cara kanak-kanak belajar apa yang tidak boleh diajar oleh orang lain.

Mereka juga suka mencari dan mendapatkan maklumat dari diri mereka dan alam sekeliling. Mereka belajar dari tindakan mereka sendiri. Kanak-kanak juga suka mengikut contoh orang

dewasa. Satu daripada strategi yang sesuai dalam pembelajaran kanak-kanak ialah belajar melalui bermain .

Objektif Kajian

- i. Guru memahami kepentingan pendekatan aktiviti belajar melalui bermain dan pelaksanaannya di tadika-tadika.
- ii. Menerangkan teknik-teknik yang digunakan oleh guru dalam menguruskan aktiviti belajar melalui bermain .
- iii. Mengenal pasti kelemahan guru dalam menjalankan aktiviti kaedah bermain.
- iv. Mengenal pasti kesesuaian latihan yang diperolehi oleh mereka.

Soalan Kajian

Dalam melihat pernyataan masalah dan objektif kajian kertas projek ini, maka wujudlah beberapa persoalan yang boleh dipersoalkan seperti berikut;

1. Apakah persepsi guru tentang faedah pengajaran belajar sambil bermain ?
2. Apakah teknik-teknik yang digunakan oleh guru?
3. Apakah kelemahan guru dalam menjalankan aktiviti melalui kaedah bermain?
4. Adakah guru prasekolah mendapat latihan secukupnya tentang kaedah belajar melalui bermain?

Kepentingan Kajian

Berdasarkan masalah kajian dan objektif kajian di atas, perlulah kajian dibuat tentang pelaksanaan pendekatan aktiviti belajar melalui bermain yang telah disarankan.

Belajar melalui bermain akan mendatangkan keseronokkan dan hiburan serta merangsang individu mempelajari sesuatu melalui cara yang aktif dalam cara yang tidak formal.

Selain itu ia dapat mempercepat pembelajaran serta memperkukuhkan lagi pembentukan konsep, di samping mempertingkatkan perkembangan individu mengikut kemajuan masing-masing terutama murid-murid lemah akan dapat bantuan dari pelajar yang lebih pintar.

Melalui permainan juga dapat memupuk kepimpinan murid dan menghilangkan rasa kekecewaan atau kegelisahan. Justeru itu dalam Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003 muka surat 260 telah menghuraikan Pendekatan Belajar Melalui Bermain yang menjadi asas konsep dan prinsip pendidikan prasekolah.

Penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana bermain menjadi fitrah kanak-kanak. Aktiviti ini mengembirakan dan memberi peluang kepada kanak-kanak membuat penerokaan dan interaksi dengan persekitaran. Permainan bebas dan terancang. Tidak 'rigid' iaitu mempunyai kelonggaran masa disamping memberi peluang mencuba idea sendiri dan memberi peluang membuat pemerhatian dan tumpuan bagi mencari sesuatu jawapan.

Batasan Kajian

Data kajian ini diperolehi melalui cara temuramah dan pemerhatian ke atas guru-guru dan pembantu serta pentadbir Tadika. Sampel kajian seramai 810 orang kanak-kanak meliputi 25 buah tadika, seperti tadika JAIM, KEMAS, PERPADUAN, KERAJAAN DAN SWASTA di Daerah Melaka Tengah, Melaka. Pengumpulan maklumat adalah secara pemerhatian dan temubual.

Definisi Frasa dan Istilah

Sepanjang kajian ini beberapa frasa dan istilah akan digunakan iaitu,

Perlaksanaan

Kamus Dewan (2002) mendefinisikan perlaksanaan sebagai hasil daripada melaksanakan (mengerjakan, menyelesaikan) sesuatu rancangan (tugas dan sebagainya).

Pendekatan

Pendekatan membawa maksud kaedah iaitu cara-cara atau langkah-langkah yang diambil bagi memulakan serta melaksanakan tugas bagi mengatasi masalah.

Belajar melalui bermain

Menurut Mak Soon Sang, dalam bukunya Pendekatan dan Strategi Pengajaran, main merupakan satu teknik mengajar yang memberi peluang kepada murid-murid melakukan sesuatu aktiviti secara berpura-pura di dalam keadaan terkawal. Pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah berlandaskan prinsip belajar sambil bermain. Aktiviti bermain adalah kerja kanak-kanak.

Permainan merupakan saluran yang boleh mengembangkan perkembangan kanak-kanak ke tahap yang optima. Oleh kerana permainan merupakan sesuatu kekuatan dan pengalaman yang penting menjadi asas dalam model pendidikan awal kanak-kanak.

Menurut Buku Panduan Guru (Pusat Perkembangan Kurikulum), belajar melalui bermain adalah satu pendekatan yang terancang dan berstruktur bagi memberi peluang kepada murid belajar dalam suasana yang bebas dan selamat, menggembirakan dan bermakna.

Proses Pembelajaran

Menurut Kamus Dewan (1970), Pembelajaran ialah proses belajar dan menerima pengetahuan daripada pengajaran guru. Melalui pembelajaran secara formal seorang kanak-kanak akan mengguna dan menajamkan deria penglihatan, pendengaran, rasa, hidu dan

sentuh. Mereka juga dapat berinteraksi dengan alam sekitarnya sesuai dengan minat dan daya kreatif mereka.

Prasekolah

Prasekolah dikenali juga dengan istilah pendidikan awal kanak-kanak termasuk istilah 'kindergarten' serta 'nursery'. Dalam Kamus Dewan (2002) menyatakan prasekolah ialah situasi di mana kanak-kanak sebelum memasuki sekolah atau tadika/tabika.

Kesimpulan

Berdasarkan huraian dalam bab ini, permainan merupakan aktiviti yang paling penting untuk kanak-kanak prasekolah. Kanak-kanak belajar melalui permainan kerana permainan merupakan cara semula jadi kanak-kanak mengenal dunia dan persekitarannya. Ada pelbagai teori tentang tujuan dan fungsi permainan. Melalui permainan, mereka dapat mempelajari peranan-peranan individu mereka. Kedua, telah didapati kanak-kanak mempunyai tenaga yang berlebihan dan kita dapati kanak-kanak sentiasa bermain sama ada di dalam ataupun di luar tadika. Menurut teori *cathartic*, adalah dipercayai kanak-kanak menggunakan permainan sebagai cara menghilangkan rasa kekecewaan dan emosi serta mengurangkan ketegangan. Menurut Piaget pula, permainan memainkan peranan asimilasi, iaitu kanak-kanak boleh menerima maklumat yang membantu perkembangan melalui permainan.

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian berkaitan dengan pengajaran guru telah dijalankan di sekolah rendah dan di sekolah menengah di Malaysia terutamanya dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, setakat ini belum ada lagi kajian

telah dijalankan tentang pelaksanaan aktiviti belajar melalui bermain di peringkat prasekolah khususnya di peringkat tadika.

Antara kajian yang telah dijalankan di sekolah rendah ialah kajian oleh Ghulam, S.A.M. (1993) telah mengkaji strategi pengajaran dan pembelajaran Alam dan Manusia di sekolah rendah dan mendapati majoriti guru menggunakan teknik pengajaran didaktif, perbincangan dan penerangan dengan banyuan carta, gambar dan rajah, manakala video dan slaid tidak pernah digunakan langsung. Md. Idris (1975) telah membuat perbandingan antara kaedah pengajaran syarahan dan rentetan guru mendapati kaedah rentetan berjaya meningkatkan darjah pembelajaran pelajar di bandingkan dengan kaedah syarahan kerana pelajar belajarr melalui pelbagai aktiviti yang melibatkan pelbagai deria. Pusat Perkembangan Kuirkulum (1992) telah menjalankan kajian tentang amalan pengajaran guru yang berkesan dalam Matematik di sekolah rendah dan mendapati bahawa faktor pentadbir sekolah rendah, guru, murid dan bahan memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian murid dalam Matematik.

Md. Radzi (1997), yang telah mengkaji strategi pengajaran aqidah Tahap 2 sekolah rendah; Tan Chai Tin (1995), yang telah membuat kajian perbandingan tentang pengajaran Matematik KBSR di dua buah sekolah rendah di Petaling Jaya, Yip Yoke Chew (1996), yang telah mengkaji amalan perbezaan gender dalam bilik darjah di sebuah sekolah rendah di Petaling Jaya dan Hon Yew Pin (1996) yang telah mengkaji penggunaan bahan sumber dalam pengajaran Bahasa Cina di sekolah Cina.

Di peringkat prasekolah pula, kajian-kajian yang ada dijalankan banyak menumpu kepada kanak-kanak dan tidak kepada amalan dan pelaksanaan guru. Segaran a/l Appoo (1996) telah menjalankan kajian tentang identifikasi kanak-kanak rendah kesediaan pembelajaran di peringkat prasekolah. Khatijah Rohani (1992) mendapat pusat-pusat pendidikan prasekolah banyak menyediakan program yang bersifat akedemik yang membuatkan kanak-kanak tertekan dan hilang minat dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, mengikut Halim (1989)), kanak-kanak yang telah mengikuti pendidikan

prasekolah lebih bersedia untuk mengikuti pendidikan formal di sekolah rendah dan menunjukkan pencapaian akademik yang lebih baik semasa di Tahun 1 persekolahan.

Walau bagaimanapun Asma (2001), telah membuat kajian perlaksanaan main di tadika Brunei. Sample kajian ialah 12 orang guru tadika dan 16 orang kanak-kanak. Kaedah kajian ialah secara temuduga dan pemerhatian. Keputusan kajian telah mengenal pasti bahawa 60% guru-guru tadika tidak bersetuju dengan kaedah ini. Mereka berpendapat kaedah ini tidak memberi sumbangan terhadap proses pembelajaran kanak-kanak. Pada keseluruhannya kesemua guru tadika yang dikaji iaitu seramai 12 orang menyatakan bahawa kanak-kanak ini perlu diajar secara formal seperti latih tubi, ulangi pelajaran setiap hari, 'calk and talk' dan pengajaran secara kelas. Ini sangat penting bagi tujuan menyediakan mereka kelak ke tahun satu. Aktiviti bermain cumalah mengisi masa yang terluang sahaja. Selain itu mereka membenarkan aktiviti ini hanya sebagai alat untuk mengawal keadaan kelas yang terlalu

Kurikulum Prasekolah Kebangsaan

Pendidikan prasekolah telahpun mempunyai kurikulum yang sesuai serta strategi pengajaran dan pembelajaran yang secocok dengan perkembangan kognitif, afektif, fizikal dan sosial kanak-kanak.

Kurikulum bukan sahaja meliputi mata-pelajaran dan pengalaman terancang yang berlaku dalam kelas tetapi meliputi juga semua kegiatan kebudayaan, kesenian, permainan dan interaksi sosial yang dilakukan oleh kanak-kanak di dalam dan di luar kelas di bawah kelolaan sekolah (Al-Tourny Al-Syaibany, 1979: Gordon and Brown, 1989).

Ling Chu Poh (1990) menyatakan kurikulum prasekolah perlu menitikberatkan pengalaman melalui aktiviti terutama yang berbentuk permainan. Sebahagian daripada contoh permainan itu ialah aktiviti permainan berbentuk projekatif, imaginatif dan fantasi, main peranan, tiruan, tematik dan interaktif.

Penggubalan kurikulum yang bersesuaian perlu melalui suatu pendekatan yang bersepadu dan mengambil kira perkembangan kanak-kanak di semua bidang: fizikal, emosi,

sosial dan kognitif (Almy, 1975; Biber, 1984; Elkine, 1986; Forman & Kushner, 1983; Skeen, Garner & Cartwright, 1984; Spodek, 1985). Dalam merancang kurikulum, penekanan perlu diberi kepada pembelajaran sebagai suatu proses interaktif. Guru perlu menyediakan persekitaran untuk kanak-kanak belajar melalui penerokaan yang aktif, interaksi yang bermakna dengan orang dewasa, kanak-kanak lain dan dengan bahan-bahan (Biber, 1984; Fein, 1979; Fromberg, 1986; Goffin & Tull, 1985; Kamii, 1985; Lay-Dopyera & Dopyera, 1986).

Pembelajaran Kanak-Kanak Prasekolah

Seperti yang kita sedia maklum pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia persekolahan seseorang kanak-kanak. Pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menyeronokkan dapat memperkembangkan kemahiran keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk memasuki ke alam persekolahan formal.

Justeru itu pengajaran guru yang berkesan perlu mengambil kira gaya pembelajaran kanak-kanak. Terdapat banyak teori dan kajian tentang gaya pembelajaran kanak-kanak prasekolah. Menurut Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1977), salah satu pembelajaran yang amat berkesan ialah melalui model atau teladan yang sesuai, jelas dan menarik. Di peringkat prasekolah proses permodelan atau percontohan adalah amat baik untuk mencapai matlamat yang abstrak.

Khadijah Rohani (1992) mendapati program prasekolah yang menekankan akademik menyebabkan kanak-kanak mengalami kegagalan dan kehilangan kepercayaan diri. Keadaan ini akan menjadikan kanak-kanak tertekan, kehilangan minat belajar dan menimbulkan masalah pembelajaran di bilik darjah. Katz (1985) menyatakan pendedahan akademik atau kemahiran asas kepada kanak-kanak di peringkat terlalu awal akan merosakkan perkembangan minat belajar kanak-kanak. Pendapat ini selari dengan dapatan-dapatan dari kajian-kajian 'longitudinal' yang dijalankan oleh Karnes, Schwedel dan Williams (1983); Miller dan Bizzell (1983); Schweinhart, Weikart dan Lerner (1986) dan Walberg (1984).

Aktiviti pembelajaran dan bahan yang digunakan dalam pembelajaran perlu terdiri daripada bahan konkrit, bahan sebenar dan relevan kepada kehidupan kanak-kanak. Kanak-kanak perlu bermain dengan bahan sebenar dan mengalami peristiwa sebenar sebelum mereka boleh memahami makna simbol seperti abjad dan nombor (Almy, 1975; Evans, 1984; Forman & Kushner, 1983; Piaget, 1972; Weber, 1984; Schickedanz, 1986).

Oleh itu penggunaan buku kerja, lembaran kerja, buku warna dan model yang dibina oleh orang dewasa untuk disalin oleh kanak-kanak adalah tidak sesuai untuk kanak-kanak berumur antara empat hingga enam tahun. Pada peringkat umur ini, kanak-kanak menunjukkan kebolehan dan keinginan belajar yang tinggi melalui latihan lisan, lukisan dan membuat persembahan lain-lain aktiviti seperti yang diarahkan oleh orang dewasa.

Kanak-kanak belajar melalui pengalaman membuat sendiri. Piaget (1950, 1972), Montessori (1964), Erikson (1950), Elkin (1986) dan

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran

Dalam pendidikan prasekolah, pelbagai pendekatan yang bersesuaian dengan kebolehan, keupayaan dan minat perlu dirancang supaya murid dapat dilibatkan secara aktif dalam pembelajaran dan mereka mendapati bahawa pembelajaran itu adalah sesuatu yang bermakna, berkesan dan menyeronokkan. Oleh itu Pusat Perkembangan Kurikulum (2003, ms 260) mensyorkan empat pendekatan pengajaran berasaskan konsep dan prinsip bagi pendidikan prasekolah iaitu :

- i. Pendekatan Belajar Melalui Bermain
- ii. Pendekatan Bertema
- iii. Pendekatan Bersepadu
- iv. Penggunaan ICT Dalam Pembelajaran

Walau bagaimanapun semasa menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, adalah digalakkan keempat-empat pendekatan ini disepadukan.

Belajar Melalui Bermain

Pendekatan belajar melalui bermain yang disarankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, (2003) adalah satu pendekatan yang terancang dan berstruktur bagi memberi peluang kepada murid belajar dalam suasana yang menggembirakan dan bermakna. Pendekatan belajar melalui bermain dirancang supaya penekanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana melalui bermain mereka dengan gembira dan senang hati membuat penerokaan, penemuan dan pembinaan melalui pengalaman langsung secara semulajadi.

Oleh itu penekanan kepada pendekatan ini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran itu menggembirakan di samping keupayaan kognitif, keinginan untuk meneroka bagi memenuhi perasaan ingin tahu, kemahiran motor kasar dan motor halus, serta meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif. Pusat Perkembangan Kurikulum menggariskan ciri-ciri pendekatan belajar sambil bermain yang menggembirakan, melibatkan penerokaan dan interaksi kanak-kanak dengan persekitaran, melibatkan percubaan idea kanak-kanak sendiri, memberi peluang kanak-kanak untuk menumpukan perhatian dan kelonggaran masa bermain.

Mengikut Vygotsky (1967), “ Play is helpful in the development of language and thought. Mental structures are formed through the use of signs and tools and play helps in this formation. Play also frees the child from the constraints of the real world that surround the child. In this way play gives children greater control over situation than they would have in reality. Children play with meanings as well as with objects as a result of being freed from reality. They are thus allowed to engage in higher order thought processes through play.” (Spodek. Et.al, 1989,ms 181).

Imam Al-Ghazali (Hassan Langgulung, 1979) menitikberatkan bermain bagi kanak-kanak kerana dengan bermain kanak-kanak boleh mengembangkan sifat semulajadi mereka

di samping menyuburkan tubuh dan mengutkan otot-otot. Beliau juga menyatakan bermain boleh mendatangkan kegembiraan, kerehatan bagi kanak-kanak selepas penat belajar.

Pelaksanaan pendekatan belajar melalui bermain hendaklah dijalankan dengan mengambil kira hasil pembelajaran yang ingin dicapai dan ditentukan. Bahan juga perlu sesuai dan berfaedah kepada perkembangan murid. Bahan konkrit, benar dan bermakna disediakan untuk menggalakkan komunikasi dan imaginasi. Dan yang terpenting sekali ialah permainan itu menarik minat dan mengembirakan murid.

Melalui pendekatan ini juga akan dapat mengukuhkan penguasaan konsep pembelajaran dari umum kepada yang lebih spesifik. Ia juga dapat meningkatkan keupayaan kognitif. Selain itu bersosialisasi dengan rakan sebaya dan orang dewasa. Pendekatan ini juga dapat meningkatkan penguasaan kemahiran emosi, mengukuhkan perkembangan fizikal, menguasai kemahiran manipulasi, menguasai daya reka cipta secara konstruktif dan di harap kanak-kanak dapat melahir dan menyatakan perasaan sendiri.

Kesimpulan

Kajian-kajian di atas menunjukkan bahawa terdapat berbagai-bagai pendekatan yang boleh diamalkan oleh guru prasekolah untuk membentuk sahsiah, kemahiran sosial, perkembangan kognitif dan afektif kanak-kanak. Kajian juga menunjukkan bahawa guru perlu peke terhadap perkembangan diri kanak-kanak untuk perkembangan kognitif, afektif, sosial dan emosi bagi membolehkan guru merancang dan memilih strategi pengajarannya dengan lebih berkesan dan bersesuaian dengan keperluan pembelajaran kanak-kanak tersebut. Oleh kerana peranan amalan guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan mengukuhkan kemahiran serta menerapkan nilai-nilai murni kepada kanak-kanak prasekolah penting, maka kajian yang akan dijalankan ini akan difokuskan kepada pemerhatian pengajaran guru prasekolah untuk

melihat pendekatan-pendekatan yang dijadikan amalan mereka dalam mendidik kanak-kanak.

Walaupun bagaimanapun, dalam pelaksanaan kaedah ini perlu pemantauan yang berkesan daripada guru besar. Pegawai dari Jabatan Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri, serta pegawai-pegawai lain yang terlibat sama bagi meninjau pelaksanaan kaedah ini. Guru besar perlu meluangkan masa memantau guru-guru ini samada melaksanakan atau tidak pendekatan tematik, dan pendekatan bersepadu selain daripada belajar melalui bermain di laksanakan atau tidak disekolah ataupun tadika-tadika .

METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Kertas projek ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan aktiviti belajar melalui bermain dilaksanakan di tadika-tadika yang terdapat di daerah Melaka Tengah, Melaka.

Pengkaji akan menerangkan bagaimana pelaksanaan kajian ini dijalankan yang melibatkan pemilihan subjek kajian, instrumen kajian, prosedur kajian dan analisis kajian.

Sampel Kajian

Sampel kajian ini ialah 10 orang guru tadika yang terdiri dari anjuran KEMAS, JAIM, PERPADUAN, Swasta dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Taburan data seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1, Sampel kajian jenis tadika dan bilangan kanak-kanak.

Nama Tadika	Bilangan Guru
-------------	---------------

KEMAS	2
JAIM	2
PERPADUAN	2
Swasta	2
Kementerian Pendidikan Malaysia	2
	2
JUMLAH	10

Seperti jadual di atas pengkaji telah memilih 5 buah jenis tadika . Responden KEMAS pertama terletak di kawasan pinggir bandar. Alamat nya Tabika Al-Hakim, Kampung Duyung, Melaka. Terdiri daripada seorang pembantu masyarakat dan seorang pembantu. Seramai 45 orang kanak-kanak berada di tadika ini.

Responden KEMAS kedua beralamat Tabika KEMAS Suratulan KEMAS, Taman Sri Duyung. Terdiri daripada seorang guru dan seorang pembantu. Tabika ini mempunyai seramai 35 orang kanak-kanak.

Responden ketiga dan keempat ialah Tadika Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Beralamat Kampung Permatang Duyung. Mempunyai 4 orang guru. Hanya dua orang sahaja guru yang dilibatkan dalam kajian ini. Mempunyai 40 orang kanak-kanak.

Responden kelima ialah Tadika PERPADUAN. Beralamat di Taman Desa Duyung. Terdiri daripada seorang guru dan pembantu. Jumlah kanak-kanak 30 orang.

Manakala responden keenam merupakan tadika PERPADUAN juga. Beralamat Taman Desa Duyung. Seksyen 1. Terdiri daripada seorang guru dan pembantu. Jumlah kanak-kanak 37 orang.

Responden ketujuh ialah Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Sekolah Kebangsaan Air Molek. Mempunyai seorang guru dan seorang pembantu. Jumlah murid seramai 25 orang.

Di ikuti responden kelapan dari Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Sekolah Kebangsaan Air Molek juga. Jumlah kanak-kanak 25 orang juga.

Responden kajian kesembilan dari agensi Swasta iaitu Tadika Al-Irsyed, No. 1, Lorong 1, JSE B, Taman Seri, Telok Mas, Melaka. Bilangan kanak-kanak 20 orang.

Responden kajian terakhir iaitu yang kesepuluh ialah Tadika Wawasan beralamat di Lorong Pandan, Melaka. Mempunyai 20 orang kanak-kanak di kelas tadika tersebut. Jumlah keseluruhan responden ialah 10 orang.

Instrumen Kajian

Menurut Walker & Burnhill (1988), pengumpulan data melalui temubual boleh dilaksanakan dalam pelbagai kajian tinjauan. Maklumat dan data ini diperolehi melalui temubual pengkaji dengan responden. Pemerhatian juga dibuat untuk mendapatkan maklumat tambahan dan mengukuhkan maklumat temubual. Maklumat-maklumat dan data-data tersebut dikumpulkan sendiri oleh pengkaji dengan menggunakan borang catatan yang mengandungi soalan-soalan kajian berkenaan.

Pengkaji telah menyediakan tiga borang soal selidik untuk tujuan mengumpul maklumat tentang latar belakang tadika dan guru-guru, dan amalan iaitu pelaksanaan pengajaran guru prasekolah di dalam kelas. Borangsoal selidik ini terdiri daripada borang pemerhatian pengajaran dan pembelajaran, senarai semak , dan temubual .

(I) Borang Pemerhatian (Lihat Lampiran 1)

Borang ini mengumpul maklumat tentang amalan pelaksanaan pengajaran merangkumi strategi pengajaran yang digunakan, kemudahan fizikal kelas yang disediakan dan bahan bantu mengajar dan belajar yang digunakan.

(2) Senarai Semak (Lihat Lampiran 2)

Borang ini mengumpul maklumat tentang amalan kefahaman dan pengetahuan guru dalam aktiviti belajar melalui bermain, di samping memahami perkembangan kanak-kanak, minat dan keperluan mereka dan bahan bantu mengajar yang digunakan.

(3) Borang Temu Bual Dengan Guru Tadika (Lihat Lampiran 3)

Borang ini mengumpul maklumat tentang persediaan dan perancangan, tempoh waktu aktiviti belajar melalui bermain, pendapat ibu bapa melalui guru tadika dan kos bahan bantu mengajar yang melibatkan aktiviti main dan belajar.

(4) Borang latarbelakang guru (Lihat Lampiran 4)

Ini merupakan borang latarbelakang dan maklumat tambahan bagi pengkaji dalam kajian ini.

Prosedur kajian

Dalam tempoh lawatan, pengkaji telah menjalankan perkara-perkara berikut iaitu (i) memberi penerangan tentang prosedur kajian kepada responden yang terlibat, (ii) menemubual guru tadika bagi mengumpul maklumat tentang latarbelakang tadika dan guru-guru tadika tersebut dan (iii) menjalankan pemerhatian pengajaran guru untuk melihat

strategi pengajaran guru, bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru dan kemudahan fizikal bilik darjah.

Selain itu kebenaran telah diperolehi dari Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat. Setelah itu, hubungan yang baik antara pihak sekolah dengan pengkaji terutama guru dan kanak-kanak supaya mereka selesa dengan kehadiran pengkaji.

Pemerhatian dalam kelas

Pemerhatian dilakukan semasa kanak-kanak melalui proses belajar melalui bermain dalam kelas. Pemerhatian dalam konteks kajian ini membolehkan pengkaji mengesan perkara-perkara yang mungkin dianggap kebiasaan bagi mereka yang terlibat. Oleh itu, setiap tingkahlaku kanak-kanak dan perbualan mereka semasa melakukan aktiviti belajar melalui bermain perlu dicatatkan selepas dibuat pemerhatian.

Temubual dan soal selidik

Temu bual dan soal selidik merupakan satu keperluan dalam kajian kualitatif. Melalui cara ini, pengkaji dapat gambaran yang mendalam tentang sesuatu situasi, disamping menjelaskan lagi perkara-perkara yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Dalam kajian ini, gambaran tentang belajar melalui bermain boleh diperolehi melalui temubual.

Soalan temubual dan soal selidik telah disediakan oleh pengkaji berdasarkan pengalaman mengajar, buku-buku rujukan dan rakan sejawat yang mengajar prasekolah. Walau bagaimanapun, temubual biasanya bergantung kepada jawapan yang diberikan oleh subjek kajian. Temubual dan soalselidik biasanya dilakukan selepas kelas.

Analisis data

Maklumat dan data hasil temubual guru dan pemerhatian pengajaran guru di bilik darjah di buat secara diskriptif. Oleh itu, dapatan-dapatan kajian dipersembahkan secara kualitatif.


ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Dalam bab ini pengkaji akan membuat analisis tentang data-data yang telah dikumpul hasil daripada temu bual dengan guru-guru tadika yang terlibat dalam pengajaran dan pemerhatian pengajaran guru di kelas. Data-data yang diperolehi dari kelima-lima tadika tersebut dianalisis mengikut kategori : latar belakang tadika Prasekolah, persepsi guru tentang faedah belajar melalui bermain, teknik-teknik yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di tadika, masalah yang dihadapi oleh guru untuk melaksanakan kaedah belajar melalui bermain, dan mengenalpasti kesesuaian latihan yang diperolehi oleh guru-guru.

Persepsi guru tentang kefahaman dan faedah belajar melalui bermain

Pengkaji telah meninjau mengenai persepsi guru tentang faedah belajar melalui bermain. Analisis jawapan menunjukkan bahawa 7 orang guru faham tentang main sambil belajar dan 3 orang guru sederhana faham . Hal ini dapat ditunjukkan melalui Jadual Graf 2. Kebanyakan guru (70 peratus) mengatakan faham tentang pendekatan belajar melalui bermain. Manakala 30% guru sederhana faham. Ini menunjukkan guru-guru faham tentang faedah dan kepentingan belajar melalui bermain.

Jadual 2



Persepsi guru tentang kefahaman dan faedah belajar melalui bermain

Sehubungan dengan itu apabila ditemubual, tiga orang di antara mereka mengatakan mereka faham dan merancang aktiviti melalui aktiviti kumpulan, tiga di antara mereka pula membuat perancangan belajar melalui bermain melalui kaedah bertema, dua responden lagi melalui aktiviti kelas dan yang akhir sekali mengatakan melalui pengetahuan sedia ada kanak-kanak.


Sebaliknya pada pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji, didapati aktiviti belajar melalui bermain tidak dijalankan, lapan tadika yang dikaji didapati kanak-kanak menjalankan aktiviti di dalam buku kerja yang disediakan mahupun lembaran kerja yang aktiviti mereka mewarna, hanya dua tadika sahaja yang 3 orang kanak-kanak nya bermain itu pun mereka tidak mengendahkan aktiviti bersama guru iaitu menulis nombor empat di dalam buku aktiviti. Tadika seterusnya di mana kanak-kanak dibenarkan bermain hanya setelah siap menjalankan tugas yang diberi kepada mereka.

Seterusnya pengkaji dapati persepsi ibu bapa melalui pandangan guru tentang kaedah belajar melalui bermain adalah sederhana faham. Di sini cabaran yang di hadapi iaitu lapan tadika mengatakan ibu bapa faham, tetapi rungutan di belakang meyakini rasa tidak selesa

dengan belajar melalui bermain yang telah dipraktikkan di tadika anak-anak mereka. Hanya di dua tadika sahaja menyatakan ibu bapa tidak bersetuju dan mahukan anak-anak mereka belajar dan cepat membaca.

Ini dapat diperjelaskan lagi dalam carta pie di bawah di mana masa yang digunakan disetiap tadika bagi amalan biasa ialah rutin 20%, pengurusan kelas 30% dan pengajaran kelas 50%. Ini amalan dan pelaksanaan biasa yang dijalankan walaupun terdapat sekali sekala aktiviti kumpulan tetapi menjalankan aktiviti yang sama di mana kedudukan murid sahaja dalam kumpulan yang berlainan.

Jadual 3



Pengajaran dan pembelajaran di tadika


Walaupun hakikatnya mereka memahami perkembangan kanak-kanak, minat mereka dan keperluan kanak-kanak, tetapi pemerhatian pengkaji mendapati pengajaran kelas secara formal seperti murid tahun satu ataupun tahun dua.

Masalah guru menjalankan aktiviti belajar melalui bermain

Pengkaji telah meninjau dan membuat pemerhatian tentang pelaksanaan guru tentang kaedah belajar melalui bermain. Dalam masalah guru melaksanakan kaedah belajar melalui bermain pengkaji dapati strategi pengajaran dan pembelajaran masih bertumpu kepada aktiviti menyebut, mengeja, membaca, menulis, melukis dan mewarna. Perbezaan strategi pengajaran guru KEMAS, JAIM, PERPADUAN, KPM, DAN SWASTA terdapat pada pendekatan yang digunakan dalam pengajaran, bentuk rancangan pelajaran yang disediakan dan interaksi guru-murid dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Carta Bar di bawah menerangkan kefahaman guru di mana menguasai dan memahami perkembangan dan minat kanak-kanak disamping keperluan mereka.

Jadual 4




Kefahaman guru tentang perkembangan, minat dan keperluan kanak-kanak

Terdapat 20% guru kurang faham tentang perkembangan kanak-kanak, 10% sederhana, 60% faham dan 10% sangat faham. Tentang minat kanak-kanak pula sederhana faham 20%, 70% faham dan 10% sangat faham.

Jelas ini menunjukkan kefahaman guru-guru tentang kanak-kanak tetapi bila peringkat amalan pelaksanaannya guru-guru tidak menjalankannya kerana menghadapi beberapa masalah.

Jadual 5



Faedah Bahan Bantu Mengajar

Gambarajah di atas menunjukkan tahap kefahaman guru tentang bahan bantu mengajar yang boleh memberi faedah kepada kanak-kanak dalam pelaksanaan aktiviti belajar melalui bermain ini. 60% guru faham. 20% guru sangat faham dan 20% guru sederhana faham tentang kepentingan bahan bantu mengajar.

Dapatan kajian menunjukkan walaupun 60% faham dan 20% sangat faham dalam penggunaan bahan bantu mengajar tetapi mereka tidak dapat melaksanakannya, ini disebabkan ada beberapa faktor seperti kekeruanan peralatan, kewanangan yang tidak mencukupi, ruangan kecil di mana murid terlalui ramai, bahan juga tidak mencukupi dan guru kurang latihan dalam pendekatan ini.

Latihan yang diperolehi oleh guru dalam pelaksanaan tentang kaedah belajar melalui bermain

Pengkaji telah meninjau dan membuat pemerhatian tentang tugas-tugas guru dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran di bilik darjah. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa guru-guru menghadapi masalah untuk melaksanakan tugas-tugas yang bersabit dengan aktiviti ini.

Bersabit dengan tugas-tugas melaksanakan aktiviti ini, pengkaji menemui faktor utama masalah guru-guru dalam menjalankan aktiviti belajar melalui bermain. Mereka kekurangan pengetahuan dan kemahiran untuk menyampaikan aktiviti belajar melalui bermain. Menurut mereka lagi, masalah ini berpunca daripada perkembangan yang pesat dalam pendidikan prasekolah. Guru-guru yang ditemubual mengatakan mereka berkeyakinan bahawa masalah yang dihadapi ini boleh diatasi jika mereka diberi peluang mengadakan perbincangan pendidikan dengan pakar-pakar, pentadbir dan penyelidik pendidikan prasekolah.


Menyentuh hal tersebut, pengkaji mendapat maklumat daripada guru-guru yang mengatakan terdapat beberapa perkara penting berkaitan dengan masalah kekurangan pengetahuan dan kemahiran iaitu:

- a) kurang faham dengan pendekatan dan cara-cara penyampaian aktiviti,
- b) kurang yakin dengan pengajaran,
- c) kurang memahami psikologi kanak-kanak,
- d) kurang mahir membuat alat bantu mengajar,
- e) kurang faham dengan kurikulum prasekolah kebangsaan, dan
- f) kesukaran membuat pemerhatian dan penilaian ke atas kanak-kanak.

Walaupun bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa guru-guru berupaya menjalankan aktiviti-aktiviti dengan lancar dan berkesan walaupun tidak menampakkan pembaharuan dan ciri-ciri kekratifan dalam penyampaian aktiviti yang dijalankan.

Pengkaji juga dapat melihat bagaimana guru-guru yang berpengalaman menunjukkan kematangan dan kemahiran menjalankan aktiviti. Melalui pemerhatian juga didapati guru yang berumur boleh mengawal tingkahlaku kanak-kanak yang lebih baik berbanding dengan guru-guru yang baru dan lebih muda.

Jadual 6



Intergrasi enam komponen bidang pengalaman dalam kaedah belajar melalui bermain

Graf di atas menunjukkan kefahaman guru untuk mengintergrasikan belajar melalui bermain dalam semua bidang pengalaman iaitu Perkembangan Bahasa, Perkembangan Fizikal, Perkembangan Kognitif, Perkembangan Kerohanian dan Moral Perkembangan Sosioemosi dan Perkembangan Estetika Dan Daya Kreatif. 10% guru kurang faham, 30% guru sederhana faham, 40% menunjukkan faham dan 20% menunjukkan sangat faham.

Kesimpulan

Berdasarkan dari keputusan dapatan kajian yang telah dibuat kebanyakan sampel menyatakan bahawa semua guru menyedari betapa pentingnya belajar melalui bermain dilaksanakan dan pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.

Masalah yang paling ketara dalam melaksanakan aktiviti belajar melalui bermain ialah bahan bantu mengajar. Bahan bantu mengajar yang dibekalkan mestilah selari dan bersesuaian dengan permainan dan konsep yang perlu melibatkan keenam-enam komponen iaitu komponen Perkembangan Bahasa dan Komunikasi, Perkembangan Kognitif, Perkembangan Fizikal, Perkembangan Kerohanian dan Moral, Perkembangan Kreativiti dan Estetika dan Perkembangan Sosioemosi.

Boleh dikatakan guru-guru prasekolah memahami dan berpengalaman dalam pengurusan dan pengendalian tadika, tetapi bahan bantu mengajar tidak mencukupi. Mereka boleh menggunakan bahan terbuang tetapi ia bergantung kepada kreativiti guru sendiri dalam mengolah bahan tersebut. Bahan-bahan seperti kotak tisu, kotak mancis, cawan plastik, botol plastik, tin susu, bekas telur, daun kering dan lain-lain lagi boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar yang menjadi pemangkin dalam kaedah belajar melalui bermain. Walaubagaimanapun usaha ini menjadi sia-sia sahaja jika tiada strategi yang tepat dan betul.

Sebagai rumusannya, para guru telah mengetahui tugas-tugas berjalan dan menyampaikan aktiviti ini walaupun tidak sepenuhnya. Mereka merasakan tetap bermasalah untuk bertugas kerana kekurangan pengetahuan dan kemahiran.

PENUTUP DAN PERBINCANGAN

Pendahuluan

Perbincangan dalam bab ini akan merumuskan hasil kajian berpandukan kepada aspek-aspek utama yang telah diperolehi dalam dapatan kajian. Huraian-huraian akan tertumpu kepada perkara-perkara penting seperti berikut:

- a. Persepsi guru tentang faedah belajar melalui bermain,
- b. teknik-teknik atau amalan yang digunakan oleh guru-guru tadika dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran,
- c. Masalah yang dihadapi oleh guru dalam menjalankan aktiviti kaedah belajar melalui bermain .
- d. Mengenalpasti mengenai kesesuaian latihan dan kursus yang diperolehi oleh guru.

a. Persepsi guru tentang faedah belajar melalui bermain

Pendidikan tadika adalah peringkat pendidikan yang paling awal bagi kanak-kanak, selepas pendidikan yang diperolehi daripada keluarga. Oleh sebab itu, guru tadika haruslah memikirkan strategi-strategi yang boleh menyeronokkan kanak-kanak. Dalam usaha mengajar kanak-kanak itu, guru tidak harus memikirkan pencapaian akademik semata-mata tanpa memikirkan aspek perkembangan yang lain. Kanak-kanak tidak harus dibebankan dengan aktiviti-aktiviti kelas yang terlalu berat dan rigid kerana ia boleh menghilangkan minat mereka untuk belajar. Salah satu strategi pengajaran yang difikirkan sesuai bagi peringkat kanak-kanak prasekolah ialah belajar melalui bermain .

Sehubungan dengan itu tugas-tugas menyampaikan aktiviti ini memerlukan kepakaran. Aktiviti yang dijalankan perlulah mempunyai perancangan yang perlu disediakan. Ini sesuai dengan pendapat Mc Cutcheon (1990) bahawa persediaan yang telah dirancang perlu dilaksanakan oleh guru dengan sempurna dan teratur.

Berhubungkait dengan kajian ini, didapati tujuh daripada 10 orang guru faham kepentingan belajar melalui bermain dan 3 orang sangat faham. Ini menunjukkan mereka berkemahiran dalam tugas mereka, tetapi bila dapatan kajian melalui pemerhatian yang dibuat di kelas tadika yang menjadi subjek kajian, dapatan aplikasinya kaedah tersebut tidak dijalankan kerana beberapa sebab dan alasan dan di antaranya ialah murid terlalu ramai dan tidak cukup ruang untuk menjalankan sesuatu aktiviti misalnya 45 orang kanak-kanak dan tiada pembantu untuk membantu guru melaksanakan aktiviti belajar melalui bermain yang memerlukan pembantu membantu guru.

b. Teknik-teknik atau amalan yang digunakan oleh guru-guru tadika dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran

Sehubungan tentang teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran telah dapat menyaksikan guru-guru masih kurang menjalankan kaedah belajar sambil bermain, sedangkan belajar sambil bermain berperanan menyuburkan lagi perkembangan kanak-kanak (Robinson, 1977). Ini jelas dapat diperlihatkan dalam perkembangan motor di mana dengan adanya keseimbangan dan pergerakan badan dalam satu-satu aktiviti akan membolehkan kanak-kanak itu melahirkan perasaan mereka dengan cara yang paling optima.

Seperti yang telah diperjelaskan guru perlulah peka dengan minat, keperluan dan memahami perkembangan kanak-kanak bagi mempermudah untuk merancang sesuatu aktiviti contohnya aktiviti belajar melalui bermain. Ada di antara guru yang baru menyatakan sukar bagi mereka untuk memikirkan tentang kaedah-kaedah bagaimana hendak menjalankan aktiviti kanak-kanak di samping bagaimana untuk memperkembangkan seluruh potensi mereka.

Dapatan kajian juga menyokong fakta di atas di mana mereka memahami minat kanak-kanak, keperluan kanak-kanak dan mempelajari dan mengetahui perkembangan mereka, tetapi di peringkat aplikasi sukar untuk dilaksanakan kerana faktor-faktor kebolehan guru itu sendiri menguasai pengetahuan, teori pengajaran dan pembelajaran dan

aplikasikannya di samping sikap ibu bapa yang telah hilang kepercayaan akibat aktiviti belajar melalui bermain yang bagi mereka hanya membuang masa sahaja.

c. Masalah yang dihadapi oleh guru dalam menjalankan aktiviti kaedah belajar melalui bermain .

Dapatan kajian menunjukkan ada di antara mereka masih kurang faham Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan 2003. Mereka menghadapi kesukaran untuk menentukan kebolehan mental dan fizikal murid. Mereka juga sukar menentukan apakah jenis aktiviti tahap pelajaran yang hendak dijalankan supaya menjadi lebih berkesan.

Turut dikenalpasti ialah masalah yang berkaitan dengan penyediaan bahan pengajaran. Didapati isi kandungan buku aktiviti oleh panel tadika masing-masing perlu disesuaikan dengan Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dengan tahap umur dan pencapaian kanak-kanak. Ini pula menyebabkan kesukaran guru mengenal pasti tahap-tahap pencapaian kanak-kanak seperti menentukan hasil pembelajaran tersebut.

Masalah juga timbul untuk menyediakan peralatan dan keselesaan kanak-kanak beraktiviti belajar melalui bermain. Masalah ini berpunca daripada tempat belajar yang sering digunakan untuk majlis dan upacara kemasyarakatan. Ini mengakibatkan keceriaan sekolah tidak dapat dibentuk mengikut matlamat tadika yang sebenarnya. Menurut Hussein Ahmad (1987) terdapat banyak kelas atau bangunan di mana kelas ini dijalankan tidak begitu selesa dan kurang menggalakkan dari segi pembelajaran kanak-kanak tabika. Contohnya, terdapat sebahagian tadika yang begitu sempit, tandas yang tidak sesuai dan tiada pagar yang sesuai untuk keselamatan kanak-kanak.

Pada amnya mereka masih kekurangan kemahiran menyoal, mengarah, menilai dan membuat 'dendaan'. Ini penting kerana seseorang guru prasekolah seharusnya mempunyai kemahiran mengendalikan kelas di samping menjadi pembimbing, penasihat, pengajar, pentadbir, iu dan lain-lain lagi kepada kanak-kanak ini.

Mengenai proses penyampaian aktiviti, masalah yang ditimbulkan berkisar kepada penggunaan bahan bantu mengajar. Penggunaan boneka, model-model, doh serta bahan lakonan kurang dititik beratkan. Perkara yang menjadi punca masalah adalah disebabkan kurang kemahiran, kurang peruntukan membiayai pembuatan bahan dan peralatan. Ini dikuatkan lagi dengan faktor sikap yang negatif di sesetengah kalangan guru tersebut.

Berkaitan dengan penilaian, jelas terbukti bahawa kemahiran pengukuran dan penilaian di kalangan guru-guru masih di tahap asas. Konsep penilaian yang melibatkan pemerhatian, temuduga, ujian dan persepsi masih belum difahami sepenuhnya oleh sesetengah guru-guru. Umumnya kemahiran pengurusan mikro di kalangan guru-guru masih ditahap yang minima.

Seterusnya, masalah tentang hubungan ibu bapa dan guru telah dapat dikesan. Walaupun tidak timbul masalah peribadi tetapi wujud masalah keyakinan ibu bapa terhadap kewibawaan guru-guru yang mengajar dan mendidik anak-anak mereka. Di pihak guru pula mempunyai masalah yang berkaitan dengan kurangnya peranan dan daya usaha ibu bapa dalam menangani proses pendidikan anak-anak mereka untuk lebih berjaya dan maju.

d. Mengenalpasti mengenai kesesuaian latihan dan kursus yang diperolehi oleh guru.

Guru memainkan peranan dalam mencetak atau melahirkan individu yang baik, berguna dan bersepadu. Mereka merupakan jambatan atau agen langsung yang mendidik kanak-kanak. Oleh itu guru memerlukan latihan seperti kursus atau bengkel yang sesuai dengan falsafah dan matlamat pendidikan prasekolah amnya.

Beberapa kursus dan bengkel dicadangkan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru. Latihan yang perlu ialah mengenai pemahaman kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, pengurusan pengajaran mikro, psikologi perkembangan kanak-kanak, pengukuran dan penilaian, pengurusan tingkah laku kanak-kanak dan membina dan menggunakan bahan bantu mengajar.

Selain itu guru-guru tadika perlu mahir dalam pengajaran mikro termasuk menentu dan memilih objektif, bahan-bahan pengajaran, kaedah mengajar, ukuran-ukuran pencapaian dan penilaian, tindak balas kanak-kanak dan kawalan bilik darjah.

Di samping itu mereka berperanan menerapkan nilai-nilai murni dan bersepadu semasa di dalam bilik darjah. Di sini jelas menunjukkan bahawa seseorang guru tadika mempunyai persediaan perasaan dan sikap yang positif. Ini penting bagi mempengaruhi pembentukan dan pengembangan anak-anak muridnya. Tambahan pula harapan ibu bapa dan masyarakat sekitar terhadap tadika begitu tinggi bagi mendapatkan pendidikan yang sempurna.

a) Guru Tadika perlu memahami dengan secukupnya Falsafah Pendidikan Negara, hasrat yang dikandunginya dan matlamat yang ditujuinya. Kefahaman perlu diiringi dengan kesedaran serta keinsafan, amalan dan penghayatan. Mereka harus mendokong penuh paksi pendidikan iaitu paercaya dan patuh kepada Tuhan.

b) Guru Tadika perlu menghayati konsep bersepadu yang meletakkan ilmu dan amal dalam satu kesatuan kental yang menjalinkan antara rohani, akal dan jasmani dalam diri supaya wujud keselarsan, keseimbangan, keserasian dan keharmonian.

c) Guru tadika adalah pencinta ilmu yang mahukan pengetahuan yang berterusan. Ia merupakan gedung ilmu bagi kanak-kanak, pencetus serta pemupuk semangat belajar dalam diri anak-anak didiknya.

d) Guru Tadika perlu memastikan ilmu yang disampaikan kepada murid-muridnya menemui bukti-bukti jelas dan kebenaran. Guru Islam perlu mendidik dan mengingatkan manusia hendaklah bersih, ikhlas dan jujur kerana takutkan Allah. Perlu disedari bahawa tanggungjawab mengajar adalah amanah Allah yang wajib kita laksanakan.

- e) Guru Tadika perlu menampilkan diri sebagai keibubapaan(parenting) kepada murid-muridnya. Mereka kaya dengan kasih sayang, menjaga dan prihatin terhadap perkembangan kanak-kanak. Justeru itu akan terbentuk hubungan harmonis yang dilimpahi dengan ciri hormat, taat, kasih sayang dan keberkatan.
- f) Guru Tabika adalah model yang hampir dengan anak didik. Guru menjadi suri teladan yang baik kepada mereka. Ini dimanifestasikan pada budi bahasa, penguasaan bahasa yang baku, kesempurnaan kerja, rupa diri, kesesuaian pakaian, amanah, rajin dan cekap bekerja.
- g) Guru Tabika perlu mempertingkatkan penguasaan dan menjiwai Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu.

Rumusan kajian

Adalah suatu tanggapan yang salah sekiranya mengatakan bahawa pendidikan prasekolah hanya sebagai tempat bermain dan mengisi masa lapang kanak-kanak sebelum memasuki alam persekolahan formal. Sewajarnya pendidikan prasekolah merupakan satu keperluan untuk semua kanak-kanak. Di sini ia menitikberatkan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh serta membolehkan kanak-kanak itu mendapatkan kemahiran prabaca, pramenulis dan pranombor. Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan, mereka akan melalui proses pembelajaran di samping dapat memenuhi naluri ingin tahu, mengukuhkan koordinasi motor kasar dan motor halus di semua bahagian anggota badan, menggunakan daya kreatif, memupuk semangat bergaul, mengukuhkan sifat hormat menghormati dan berdisiplin serta membina keyakinan diri.

Sehubungan itu pendidikan prasekolah merupakan satu sistem pendidikan yang separuh formal di mana proses pembelajaran tidak berlaku secara 'rigid' dengan terpaksa mengikut sukatan pelajaran, menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang tetap dan khusus serta menghadapi peperiksaan sebagai penilaian kemajuan mereka. Sebaliknya pendidikan prasekolah mempunyai strategi pengajaran dan pembelajaran yang sering

berubah mengikut keperluan, lebih kepada membuat aktiviti bermain di dalam dan di luar kelas yang mengembirakan di samping pada masa yang sama kanak-kanak dapat berkembang dari segi psikomotor, kognitif dan afektif.

Jelas menunjukkan terdapat satu 'keistimewaan' dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran pendidikan prasekolah berbanding dengan persekolahan formal di tahap satu. Keistimewaan ini memerlukan perancangan yang banyak bergantung kepada daya kreativiti, imaginasi serta usaha yang dijalankan oleh guru bahawa bermain di kalangan kanak-kanak adalah kehendak tabii dalam diri mereka, maka konsep belajar melalui bermain' di beri penekanan sebagai kunci pembelajaran dan pengajaran.

Guru-guru tadika sewajatnya peka dengan perbezaan individu untuk menguasai konsep atau sesuatu pengetahuan. Mereka perlu menyedari bahawa kanak-kanak datang dari pelbagai latar belakang dan sosio budaya, suasana rumahtangga, keadaan fizikal dan kedudukan sosio ekonomi.

Implikasi kajian dan saranan

Jelas di sini menunjukkan bahawa kepentingan aktiviti belajar melalui bermain. Bagi kanak – kanak berumur 5 hingga 6 tahun. Mereka berpendapat bahawa kanak – kanak yang berada di tahap ini adalah perlu belajar menulis, mengira dan membaca. Walaupun cara pemegangan pensel masih tidak betul, tetapi yang paling penting adalah tahu mengira, menulis dan membaca. Selain itu, juga didapati bahawa guru – guru adalah sederhana memahami perkembangan kanak – kanak yang berumur 5 hingga 6 tahun. Ini akan menimbulkan masalah semasa menyediakan aktiviti untuk kanak – kanak. Seterusnya, didapati juga bahawa guru adalah sebagai pemerhati apabila kanak – kanak melakukan aktiviti. Mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Ini akan menjadikan kanak – kanak kurang aktif dalam aktiviti yang disediakan oleh guru. Guru juga akan memanggil kanak – kanak lain atau memberi bantuan segalanya kepada kanak – kanak yang bermasalah apabila melakukan sesuatu aktiviti. Guru tidak hanya memberi tunjuk ajar sahaja, tetapi memberi jawapan terus kepada mereka.

Tetapi, dari kajian ini juga, didapati bahawa guru adalah memahami keperluan kanak – kanak. Tetapi, mereka hanya tidak mencari satu cara yang dapat memenuhi kesemua keperluan kanak – kanak. Selain itu guru juga memahami tentang bahan bantuan mengajar yang boleh memberi faedah kepada kanak – kanak dan guru juga faham akan minat kanak – kanak. Ini telah menunjukkan bahawa guru – guru yang diperhatikan adalah memahami akan kanak – kanak yang mereka ajar.

Persoalan penting yang wujud adalah adakah guru sanggup atau mempunyai masa yang banyak dalam sehari untuk menyediakan aktiviti belajar melalui bermain yang memerlukan masa yang panjang untuk membuat persediaan.

Menurut Kathleen Manning, beliau telah menyatakan bahawa guru memainkan peranan secara aktif dan teliti semasa merancang, melaksana, mengelola, mengendali dan membimbing kanak-kanak di dalam aktiviti main. Tetapi, apa yang didapati melalui kajian adalah guru hanya memainkan peranan sebagai pemerhati sahaja. Mereka tidak melibatkan diri mereka secara langsung dalam aktiviti yang disediakan. Jelas di sini menunjukkan bahawa sebagai seorang perancang, guru prasekolah bertanggungjawab menyediakan persekitaran yang memberangsangkan dan berkesan sesuai dengan peringkat umur kanak – kanak. Persekitaran yang disediakan seharusnya dapat membantu perkembangan kanak – kanak di dalam semua aspek perkembangan. Persekitaran adalah suatu sistem kehidupan yang berubah – ubah. Tetapi, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa guru tidak mengambil berat langsung dalam persekitaran semasa menjalankan aktiviti. Mereka hanya merancangkan aktiviti yang boleh “dimuatkan” dalam persekitaran yang sedia ada.

Tetapi, guru – guru yang diperhati adalah memahami dan boleh menggunakan alat bantuan mengajar (ABM) yang sesuai untuk kanak – kanak. Pemilihan bahan bantu mengajar adalah penting, jika salah memilih nya, maka aktiviti yang dijalankan menjadi sia – sia sahaja.

Secara ringkasnya, bolehlah dikatakan guru-guru yang mempunyai kelayakan akademik dalam pendidikan awal kanak-kanak lebih memahami strategi belajar melalui bermain yang sepatutnya dijalankan berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai kelayakan akademik.

Cadangan- cadangan untuk insan guru prasekolah

1. Guru perlu lebih aktif dan kreatif

Guru menggunakan bahan terbuang dalam membuat bahan Bantu mengajar yang mudah didapati dipersekitaran. Ianya menjimatkan kos dan kanak-kanak lebih biasa dengan bahan tersebut. Selain itu, guru perlu membuat persediaan awal dalam membuat perancangan aktiviti, supaya pemilihan bahan bantu mengajar untuk sesuatu aktiviti dapat membantu kanak-kanak untuk mencapai tahap perkembangan mereka.

2. Guru mesti melibatkan diri bersama-sama dengan kanak-kanak

Aktiviti yang dijalankan oleh kanak-kanak mestilah mendapat perhatian dari guru. Maksudnya, guru bukan berfungsi sebagai pengarah tetapi lebih kepada pembimbing. Mereka mesti ada bersama-sama kanak-kanak dalam semua aktiviti yang dijalankan untuk memastikan kanak-kanak membuat aktiviti Belajar Melalui Bermain mencapai objektif yang diharapkan.

3. Guru perlu menyertai kursus yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak.

Bagi memastikan guru lebih memahami konsep belajar melalui bermain, guru perlu didedahkan dengan pelbagai kursus yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak. Konsep pendidikan secara tradisional dapat digantikan dengan konsep belajar melalui bermain jika sekiranya kaedah tersebut dapat memberi kefahaman yang lebih jelas kepada guru.

4. Peranan majikan yang lebih berkesan

Bagi tadika swasta, majikan tidak sepatutnya mementingkan keuntungan semata-mata. Mereka perlu peka dengan keperluan guru mereka semasa menyediakan bahan bantu mengajar supaya dapat disesuaikan dengan konsep belajar melalui bermain .

5. Kesediaan guru prasekolah terhadap pendidikan awal kanak-kanak

Guru prasekolah yang dipilih seharusnya dari mereka yang memang meminati bidang pendidikan awal kanak-kanak. Secara tidak langsung, mereka akan sentiasa bersedia untuk memahami sebarang keperluan dan perkembangan diri kanak-kanak dari masa ke semasa tanpa paksaan. Dengan ini, mereka akan lebih melibatkan diri secara lebih aktif untuk membantu kanak-kanak dalam aktiviti Belajar Melalui Bermain .

Penutup

Di peringkat prasekolah, tumpuan pendidikan kepada kesediaan belajar. Aktiviti yang dijalankan berpandukan konsep belajar melalui bermain iaitu proses pembelajaran secara tidak formal tetapi berstruktur, terancang dan ada tujuan tertentu. Unsur mudahubah atau 'fleksible' ditegaskan semasa menjalankan aktiviti prasekolah. Belajar melalui bermain , memainkan peranan penting dalam memupuk perkembangan dan penyuburan individu secara menyeluruh dan seimbang.

Guru-guru prasekolah hendaklah merancang aktiviti supaya kanak-kanak dapat belajar dalam suasana yang selesa, sihat dan gembira. Menerusi permainan, kanak-kanak dapat menyiasat benda-benda, mencipta, meruntuh dan membina.

Selain itu, secara tidak langsung mereka mempelajari berbagai-bagai kemahiran seperti kemahiran sosial, bahasa dan berfikir disamping menggalakkan pertumbuhan rohani dan jasmani.

RUJUKAN

Azizah Lebai Nordin. 1995. Pengaran Pembelajaran Prasekolah.

Masalah Pendidikan 19, 11-25

Atan Long. 1969/70. "Masalah Kelemahan Pelajaran Bacaan di Sekolah

Kebangsaan dan Cadangan Mengatasinya'. Masalah Pendidikan. Vol.2, No.1. September 1969/70, 288-297

Almy, M. 1984. A child right to play. In J.F. Brown (ED). Administrating for young children. Washington: NAEYC.

Anne G. Dorsey & Dorothy June Sciarra. 1997. *A child care center*.

Delmar Publishers. Washington.

Bongtsson, A. 1970. *Environmental planning for children's play London:*

Crosby Lockwood & Son Ltd.

Carol E. Catron & Jan Allen. 1992. *Early Childhood Curriculum A*

Creative-Play Model. Merrill. New Jersey, Columbus, Ohio.

Cosby S. Rogers and Janet K. Sawyer, 1834. *Play in The Lives of*

Children, National Association for the Education of Young Children, Connecticut Avenue, N. W. Washington.

Fagen R. 1981. *Animal Play Behaviour*, Oxford University Press.

Fatimah Salleh, Khadijah Zon dan Zurida Ismail. 1993/94. Kurikulum

Pendidikan Awal : Ke Arah Pendidikan Holistik. Pendidik dan Pendidikan 12, 33-44

Halimah Abdul Rahman. 1994. *Pengajaran Bertema di Pusat Prasekolah*. Kuala Lumpur.

Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kathy H. Barclay & Camille Brenheny .1993. *Letting the Children Take Over More Of Their Own Learning: Collaborative Research in the Kindergarten Classroom.*

Katz, L.C. 1987. *Early Education: What Should Young Children Be Doing?* In Kagan, S & Zigler, E. 1987. *Early Childhood: The National Debate:* Yale University Press.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.* Dewan Bahasa dan Pustaka

Lilian G. Katz. 1984. *The Professional Early Childhood Teacher, Young Education.*

Margaret Lay-Dopyera & John Dopyera. 1993. *Becoming a teacher of young children.* Graw-Hill Book Co. New York.

Nani Menon & Mohd. Sharani & Rohani Abdullah. 2003. *Panduan kurikulum prasekolah.* Cergas (M) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Rohaty Mohd Majzub. 1989. *Beberapa dimensi pendidikan prasekolah menjelang abad ke-21 dan selepasnya.* Aliran dan awalan pendidikan menjelang abad ke-21. Kuala Lumpur. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Problem-Finding and Solving in Play: The Teacher's Role by Deborah W.

Tegano, Janet K. Sawyers and James D. Moran, III *Creative Problem Solving Through Music Activities* by Randy Hitz.

Spodek, B. (ed). 1983. *Handbook of Research in Early Childhood Education.* New York: The Free Press.